

Peraduan Jejak Istanbul/Dubai F&N Fruit Tree Fresh

Terma dan Syarat:

1. Peraduan Jejak Istanbul/Dubai F&N Fruit Tree Fresh ["Peraduan"] ini dianjurkan oleh F&N Dairies (M) Sdn Bhd ["Pihak Penganjur"] dan akan berlangsung dari 1 Julai 2013 dan berakhir pada 16 Ogos 2013 ["Tempoh Peraduan"]. Pihak Penganjur berhak untuk meminda atau melanjutkan Tempoh Peraduan pada bila-bila masa sahaja.
2. Semua penyertaan mesti diterima pada atau sebelum 23 Ogos 2013. Penyertaan yang diterima selepas 23 Ogos 2013 akan dibatalkan.
3. Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas (pada tahun 2013), kecuali kakitangan dan ahli keluarga terdekat kakitangan F&N Dairies (M) Sdn Bhd, syarikat-syarikat sekutunya, pembekal/pengedar, agensi peraduan, dan agensi pengiklanan/perhubungan awam F&N Dairies (M) Sdn Bhd.
4. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan sepanjang Tempoh Peraduan, tetapi setiap penyertaan mestilah disertakan dengan satu (1) keratan bahagian pek produk Fruit Tree Fresh yang turut serta dalam Peraduan ini sebagai bukti pembelian ["Bukti Pembelian"]. Produk Fruit Tree Fresh yang turut serta dalam Peraduan ini ialah Pek 1 Liter dan Pek 1.89 Liter dalam semua perisa kecuali produk-produk "Tidak Ditambah Gula".
5. Setiap penyertaan mestilah dihantar dalam Tempoh Peraduan secara individu dimana peserta dikehendaki menghantar butiran peribadi yang lengkap dan jawapan yang betul kepada satu (1) soalan yang diberikan bersertakan dengan satu (1) bukti pembelian dalam satu (1) sampul surat ["Penyertaan Layak"].
6. Butiran peribadi yang diperlukan ialah Nama, Nombor Kad Pengenalan Baru, Pekerjaan, Nombor Telefon, Alamat Surat-menyurat, Alamat E-mel dan Jawapan kepada Soalan Promosi. Butiran mesti dituliskan di atas sekeping kertas kosong.
7. Peserta dikehendaki merujuk kepada pek produk Fruit Tree Fresh yang turut serta untuk soalan promosi.
8. Hanya penyertaan yang dihantar melalui pos/mel biasa ke **Peraduan Jejak Istanbul/Dubai F&N Fruit Tree Fresh, Peti Surat 3031, 47509, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan** dan diterima pada atau sebelum 23 Ogos 2013 akan diterima. Semua penyertaan yang dihantar melalui penghantaran cepat, Pos Laju, perkhidmatan kurier, atau mana-mana perkhidmatan pos yang lain akan dibatalkan secara automatik.
9. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
10. Pihak Penganjur berhak membatalkan kelayakan sebarang penyertaan yang tidak lengkap, sukar dibaca, rosak, lewat, tidak mempunyai bukti pembelian yang betul atau dengan bukti

pembelian yang tidak mencukupi secara automatik. Pihak Penganjur juga tidak akan bertanggungjawab kepada penyertaan yang hilang atau tersilap alamat.

11. Semua penyertaan layak akan diberi satu (1) nombor peraduan.

12. Lima (5) pemenang Hadiah akan dipilih sepanjang tempoh peraduan ini.

- i. Setiap pemenang akan layak memenangi satu (1) Pakej Percutian dibiayai penuh 4 Hari 3 Malam untuk dua (2) orang dewasa ke Istanbul, Turki ATAU Dubai, Emiriah Arab Bersatu.
- ii. Pakej percutian termasuk tiket pergi-balik kelas ekonomi (berlepas dari KLIA Sepang dan tidak boleh mengubah laluan perjalanan), cukai lapangan terbang, dan penginapan (bilik kongsi dua orang), pengangkutan lapangan terbang-hotel, dan makanan. Pasport, visa, pengangkutan ke/dari KLIA Sepang, insurans dan semua perbelanjaan peribadi atau sampingan yang lain adalah tanggungjawab para pemenang. Semua dokumen pengembaraan dan yuran berkaitan dengan permohonan dokumen tersebut hendaklah ditanggung oleh para pemenang. F&N Dairies (M) Sdn Bhd tidak bertanggungjawab sekiranya permohonan visa pemenang tidak dapat diperolehi atau lambat diluluskan. Pemenang dikehendaki mematuhi sebarang terma dan syarat yang dikenakan oleh pihak yang mengaturkan dan/atau menyediakan hadiah.
- iii. Di mana berkenaan, adalah tanggungjawabnya pemenang dan / atau tetamu yang dicalonkan untuk memastikan visa dan pasport yang sah untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh berlepas. Pemenang dikehendaki membuat tempahan percutian sekurang-kurangnya 30 hari lebih awal. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk penghantaran pulang atau penolakan masuk oleh pihak berkuasa imigresen kepada pemenang dan / atau tetamu yang dicalonkan akibat daripada memiliki barangan larangan atau memegang dokumen perjalanan yang tidak lengkap atau sebab-sebab lain yang tingkah laku dan aktiviti yang dianggap sebagai subversif oleh kerajaan asing berkenaan. Tiada bayaran balik akan diberikan kepada pemenang dan / atau tetamu yang dicalonkan yang telah ditolak masuk.
- iv. Lawatan tertakluk kepada kekosongan tempat. Tertakluk kepada tarikh tidak dibenarkan dan sekatan tertentu. Terma dan syarat pengendali pelancongan mesti dipatuhi.
- v. Satu pemilihan janaan komputer akan dijalankan untuk memilih lima (5) peserta dari semua penyertaan layak yang diterima dalam tempoh peraduan. Peserta terpilih akan dihubungi untuk menjawab satu (1) soalan melalui telefon.
- vi. Pihak Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk menghubungi peserta terpilih menerusi telefon (berdasarkan butir-butir yang diberikan) tetapi tidak bertanggungjawab dalam apa keadaan sekalipun untuk membuat lebih daripada tiga (3) percubaan. Jika peserta terpilih tidak dapat menjawab soalan yang diberikan dengan betul atau tidak dapat

dihubungi, peserta terpilih janaan komputer seterusnya akan dihubungi. Peserta terpilih dengan jawapan yang betul kepada soalan yang diberikan akan memenangi Hadiah.

13. Setiap peserta hanya berpeluang memenangi satu (1) hadiah sepanjang tempoh peraduan ini. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan dan/atau individu berikut tanpa memberikan sebarang bukti atau penjelasan kepada peserta:
 - i. Mana-mana penyertaan yang disyaki bersindiket;
 - ii. Pemerolehan label (bukti pembelian) secara haram;
 - iii. Mana-mana individu yang membeli label tersebut semata-mata untuk menyertai peraduan ini, iaitu sesiapa yang tidak menggunakan atau mengambil produk Fruit Tree Fresh untuk kegunaan/pengambilan peribadi atau untuk kegunaan/pengambilan perniagaan peribadi; atau
 - iv. Mana-mana penyertaan lain yang boleh dipertikaikan dan dipersoalkan oleh pihak Penganjur.
14. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa notis terlebih dahulu. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik.
15. Pihak Penganjur akan menghantarkan surat pemberitahuan hadiah ke alamat melalui pos yang telah dinyatakan oleh peserta dalam penyertaan. Lanya merupakan tanggungjawab peserta untuk memberikan alamat yang sah dan lengkap. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana surat pemberitahuan hadiah yang tidak diterima oleh peserta.
16. Pihak Penganjur berhak untuk menamatkan peraduan ini pada bila-bila masa dalam tempoh peraduan.
17. Pihak Penganjur berhak untuk menggunakan nama, alamat, foto, butiran dan/atau dokumen semua pemenang untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain dari masa ke masa tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan. Para pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau mengambil bahagian dalam program-program publisiti.
18. Semua keratan bahagian pek produk ditanda Fruit Tree Fresh Pek 1 Liter dan Pek 1.89 Liter yang dihantar untuk peraduan ini akan menjadi hak milik pihak Penganjur.
19. Pihak Penganjur dan kesemua rakan peraduannya serta pihak-pihak lain yang terlibat dalam peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai dan ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun terhadap yang berikut:
 - i. Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta untuk mengambil bahagian dalam peraduan ini;
 - ii. Apa-apa bentuk kegagalan teknikal;
 - iii. Campur tangan oleh pihak-pihak yang tidak berkenaan semasa peraduan ini;

- iv. Kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran peraduan dan pemprosesan penyertaan;
 - v. Mana-mana penyertaan yang hilang, dicuri, rosak, salah dihantar atau tidak diterima.
20. Semua pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan oleh, secara langsung atau tidak, penyertaan mereka dalam peraduan ini dan daripada penebusan atau penggunaan hadiah-hadiah. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana hadiah, pemenang bersetuju untuk melepaskan tanggungan pihak Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kerugian atau liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam peraduan ini, penerimaan dan/atau penebusan dan/atau penggunaan bagi mana-mana hadiah.
 21. Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta bersetuju sepenuhnya tanpa syarat untuk menerima terma dan syarat peraduan ini.
 22. Segala keputusan para pengadil adalah muktamad dan mengikat. Sebarang perihal surat-menyurat tidak akan dilayan.
 23. Pihak Penganjur boleh, atas budi bicaranya, meminda terma dan syarat yang telah ditetapkan ini tanpa notis terlebih dahulu.

Tertakluk kepada Terma dan Syarat yang selanjutnya. Untuk Terma dan Syarat yang lanjut, sila layari laman web www.fndairies.com.

Untuk pertanyaan, sila hubungi 03-5635 1391 (Isnin – Jumaat, 10 pagi ke 5 petang, kecuali hari cuti umum).